

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD. RAHMAN

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10303

SOALAN :

PR-1353-L02918

Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pelancong luar negara yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hanya diberi kebenaran terhad melawat Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak merangkumi Sabah dan Sarawak.

31

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pelancong asing dari luar negara yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akan menjalani pemeriksaan imigresen dan akan diberikan kemudahan pas lawatan sosial berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan dan keperluan visa bagi satu-satu negara tersebut. Prosedur kemasukan adalah berdasarkan kepada prosedur pemeriksaan imigresen sedia ada.

Kemudahan pas lawatan sosial yang diberikan di KLIA kepada pelancong asing terhad kepada Semenanjung sahaja namun bagi pelancong dari luar negara yang berhasrat untuk melawat Sabah dan Sarawak, kemudahan pas lawatan sosial yang berasingan akan diberikan di pintu masuk negeri-negeri berkenaan selaras kelayakan negara masing-masing dan menggunakan visa yang sedia ada.